

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Isnin, 12 April 2021



## KENYATAAN MEDIA

### PENGGUNAAN DAN CAPAIAN ICT OLEH INDIVIDU DAN ISI RUMAH 2020

---

#### **Penggunaan internet meningkat dengan ketara bagi perkhidmatan berkaitan e-Pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan e-Hiburan pada 2020 impak daripada pandemik COVID-19**

**PUTRAJAYA, 12 April 2021** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah yang membentangkan statistik penggunaan dan capaian ICT oleh individu dan isi rumah sebagai input penting dalam merancang, membentuk dan menilai dasar dan strategi pembangunan ICT negara.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Peratusan capaian isi rumah kepada internet menunjukkan peningkatan kepada 91.7 peratus pada 2020 berbanding 90.1 peratus pada 2019. Capaian oleh isi rumah terhadap telefon bimbit dan komputer juga masing-masing meningkat kepada 98.6 peratus dan 77.6 peratus pada 2020.”

Mengulas lanjut terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Pelaksanaan survei yang dilaksanakan ketika pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang mana penggunaan internet di kalangan masyarakat Malaysia berusia 15 tahun ke atas meningkat dengan ketara kepada 89.6 peratus pada 2020 berbanding 84.2 peratus pada 2019 iaitu meningkat sebanyak 5.4 mata peratus. Aktiviti internet yang paling popular di Malaysia adalah menyertai rangkaian sosial. Walau bagaimanapun, semasa pandemik, penggunaan internet meningkat dengan ketara bagi perkhidmatan berkaitan aktiviti pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan hiburan. Aktiviti yang berkaitan dengan perkhidmatan tersebut adalah

membuat pesanan barang atau perkhidmatan atas talian; mendapatkan maklumat kesihatan; menggunakan perbankan internet; menjalani kursus tidak formal atas talian; menjalani kursus formal atas talian; membeli barang atau perkhidmatan melalui e-Dagang; menonton televisyen secara atas talian; dan mendapatkan maklumat dari organisasi kerajaan, yang secara signifikan meningkat melebihi 7.0 mata peratus.

Hasilnya, peratusan membuat pesanan barang atau perkhidmatan atas talian seperti melalui telefon, Whatsapp dan Facebook telah meningkat daripada 22.5 peratus pada 2019 kepada 54.4 peratus pada 2020 (+31.9 mata peratus). Semasa pandemik Covid-19, penggunaan internet untuk mencari maklumat atau perkhidmatan berkaitan kesihatan telah meningkat sebanyak 12.0 mata peratus pada 2020, dengan 61.9 peratus pengguna internet mencari maklumat atau perkhidmatan berkaitan kesihatan berbanding 45.2 peratus pada 2019.

Kira-kira 61.9 peratus masyarakat Malaysia menggunakan perbankan internet pada 2020 iaitu meningkat daripada 50.5 peratus pada 2019 (+11.4 mata peratus). Tanpa mengambil kira saluran pembelajaran atas talian melalui internet, individu yang mengikuti kursus tidak formal atas talian meningkat daripada 9.5 peratus kepada 20.8 peratus pada 2020 (+11.3 mata peratus) manakala peningkatan yang ketara dalam peratusan individu yang mengikuti kursus formal atas talian iaitu daripada 8.1 peratus pada 2019 kepada 18.0 peratus pada 2020 (+9.9 mata peratus).

Sebaliknya, pembelian barang atau perkhidmatan melalui e-Dagang seperti Shoppe, Lazada dan Grab telah meningkat daripada 35.2 peratus pada 2019 kepada 45.0 peratus pada 2020 (+9.8 mata peratus). Pada masa kini, mendapatkan hiburan di laman web bukan lagi perkara baharu. Ini ditunjukkan oleh peningkatan menonton televisyen atas talian daripada 47.8 peratus pada 2019 kepada 55.5 peratus pada 2020 (+7.7 mata peratus). Dengan menggunakan saluran e-Kerajaan, peratusan pengguna internet bagi mendapatkan maklumat dari organisasi kerajaan turut meningkat sebanyak 7.4 mata peratus daripada 45.5 peratus pada 2019 kepada 52.9 peratus pada 2020.

Sebagai tambahan kepada penggunaan internet, peratusan individu yang menggunakan komputer meningkat kepada 80.0 peratus pada 2020 daripada 72.1

peratus pada 2019. Peratusan individu yang menggunakan telefon bimbit mencatatkan peningkatan kepada 98.2 peratus pada 2020. "

Susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Januari 2021, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) fasa kedua melibatkan temuramah secara bersemuka akan disusun semula. Justeru, orang ramai yang masih belum membuat pengisian banci boleh mengambil peluang untuk mengisi maklumat banci secara dalam talian (e-Census) yang akan dibuka semula. Maklumat lanjut berkaitan Banci Malaysia 2020 boleh diperolehi melalui portal banci iaitu [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
12 APRIL 2021**

*Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, April 12<sup>th</sup> 2021*



## **MEDIA STATEMENT**

### ***ICT USE AND ACCESS BY INDIVIDUALS AND HOUSEHOLD 2020***

---

***The use of internet significantly increased for the services related to e-Learning, e-Health, e-Government, e-Commerce and e-Entertainment in 2020 impacted from pandemic COVID-19***

***PUTRAJAYA, 12 April 2021 – Today, the Department of Statistics, Malaysia released the ICT Use and Access by Individuals and Households Survey that presenting the statistics of usage and access of ICT by individuals and households as an important input in planning, formulating and evaluating policies and strategies of ICT development of the country.***

***Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, “Percentage of households access to internet showed an increase to 91.7 per cent in 2020 as compared to 90.1 per cent in 2019. Access to mobile phone and computer by households also increased to 98.6 per cent and 77.6 per cent respectively in 2020”.***

***Commenting further on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The implementation of the survey that was carried out during the COVID-19 pandemic has showed the impact where internet usage among Malaysian aged 15 and above was increased significantly to 89.6 per cent in 2020 as compared to 84.2 per cent in 2019, which is an increase of 5.4 percentage points. The most popular internet activities in Malaysia is participating in social networks. However, during the pandemic, the use of internet significantly increased for the services related to learning activities, e-Health, e-Government, e-Commerce and entertainment. Those activities related to that services are ordering goods or services online; seeking health information; using***

*internet banking; doing an informal online course; doing a formal online course; purchasing goods or services via e-Commerce; watching television online; and getting information from government organisations, which were significantly increased above 7.0 percentage points.*

*As a result, percentage of ordering goods or services online such as through telephone, Whatsapp and Facebook has increased from 22.5 per cent in 2019 to 54.4 per cent in 2020 (+31.9 percentage points). During the Covid-19 pandemic, use of the internet for seeking health related information or services has increased by 12.0 percentage points in 2020, with 61.9 percent of internet users seeking health related information or services as compared to 45.2 per cent in 2019.*

*Around 61.9 per cent of Malaysian using internet banking in 2020 which increased from 50.5 per cent in 2019 (+11.4 percentage points). Regardless any platforms of online learning over the internet, individuals who are attending an informal online course increased from 9.5 per cent to 20.8 per cent by 2020 (+11.3 percentage points) while a significant increase in the proportion of individuals who are attending a formal online course from 8.1 per cent in 2019 to 18.0 per cent in 2020 (+9.9 percentage points).*

*On the other hand, purchase goods or services via e-Commerce such as Shoppe, Lazada and Grab has increased from 35.2 per cent in 2019 to 45.0 per cent in 2020 (+9.8 percentage points). Nowadays, getting entertainment on the web is no longer a new thing. This is indicated by the increasing in watching television online from 47.8 per cent in 2019 to 55.5 per cent in 2020 (+7.7 percentage points). Using the e-Government platform, percentage of internet users by getting information from government organisations has also increased by 7.4 percentage points from 45.5 per cent in 2019 to 52.9 per cent in 2020.*

*Additional to the internet usage, the percentage of individuals using computer increased to 80.0 per cent in 2020 from 72.1 per cent in 2019. Percentage of individuals using mobile phone recorded an increase to 98.2 per cent in 2020.”*

*Following the implementation of the Movement Control Order announced by the YAB Prime Minister on 11th January 2021, the second phase of Malaysia Population and Housing Census 2020 via face-to-face interview will be rescheduled. Therefore, people who have not yet completed the census can take the opportunity to fill in the online census (e-Census) which will be reopened. Further information on the Malaysia Census 2020 can be obtained through the census portal [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020.*

***Released by:***

***THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA***

***DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA***

***12 APRIL 2021***